

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, August 7, 2018 10:10 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PALAPES UUM Kekalkan Kejuaraan Karnival Menembak PALAPES UA



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

7 OGOS 2018 / 25 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PALAPES UUM KEKALKAN KEJUARAAN KARNIVAL MENEMBAK PALAPES UA



UUM ONLINE: Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UUM muncul johan keseluruhan buat kali kedua berturut-turut pada Karnival Menembak PALAPES UA yang berlangsung di Lapang Sasar Sungai Ranting, Taiping, Perak, baru-baru ini.

Ketua Jurulatih PALAPES, Lt. Kol Faridon Saad berkata, PALAPES merupakan satu pasukan yang melahirkan pegawai sukarela dari Universiti Awam dengan memberikan ilmu ketenteraan bagi membina insan berdisiplin dan bersemangat waja.

PALAPES UUM yang disertai 9 peserta turut berjaya merangkul johan acara rifle berkumpulan selain pelbagai acara dipertandingkan seperti rifle M16 berkumpulan, jatuh piring M16 dan novelti pistol jatuh piring.


“Mereka sungguh bersemangat dan menampilkan aksi yang terbaik tambahan pula senior yang pernah menjadi juara meletakkan sasaran yang tinggi untuk terus mengekalkan kejayaan yang dikecapi seperti tahun lepas,” katanya.

Hadiah disampaikan oleh Pengarah Pengurusan Latihan Markas Latihan Tentera Darat Brigedier Jeneral Dato Hashim Jabar kepada ketua pasukan PALAPES UUM, Kapten Mahadi Naina Mohamed.

Jelasnya, latihan yang bermula seminggu sebelum acara itu menjadi pemanas untuk menguji ketangkasan dan kemantapan peserta sempena Majlis Pentauliahkan Diraja PALAPES UA yang ke-37 yang akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM).

“Majlis tersebut dijangka berlangsung pada 18 Ogos ini membabitkan peserta dari 14 buah universiti awam selama 2 minggu yang terdiri daripada tiga perkhidmatan iaitu tentera darat, laut dan udara.

“Acara yang dijalankan itu bertujuan menguji tahap pengetahuan dan ketahanan mental serta fizikal pegawai kadet selain melengkapkan fasa yang ditetapkan sebelum ditauliahkan,” tambahnya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.